

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 7.10.2014**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan berikutan:-**

- (a) RM580 juta telah diperuntukkan bagi program prasekolah dan penambahan jumlah bilangan prasekolah. Namun, data menunjukkan 65 peratus SJKT tiada prasekolah. Berapakah prasekolah telah dibina di SK, SJKTC, SJKT setakat ini; dan
- (b) apakah rancangan jangka panjang Kementerian untuk mencapai 100% enrolmen prasekolah di semua sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Jumlah keseluruhan kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) adalah sebanyak 8,898 kelas. Pecahan mengikut jenis sekolah ialah SK sebanyak 8,120 kelas, SJKC sebanyak 556 kelas dan SJKT sebanyak 222 kelas. Di samping itu, kanak-kanak yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah di bawah KPM,

mereka berpeluang mengikuti prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan juga prasekolah swasta.

- b) Berdasarkan perancangan yang dikemukakan kepada Agensi Pusat bagi permohonan dalam RM Ke-11 dalam usaha meningkatkan enrolmen prasekolah, KPM merancang dan mengemukakan permohonan peruntukan untuk meneruskan pembukaan kelas prasekolah yang melibatkan kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman. Unjuran peluasan kelas prasekolah KPM dari 2016 hingga 2020 adalah seperti berikut :

Tahun	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan	250	250	250	250	250